



**PERATURAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN SEPAK TAKRAW  
KARNIVAL SUKAN TM 2014  
25 HINGGA 28 SEPTEMBER 2014**

**1. PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung pada Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Persekutuan Sepaktakraw Asia - Asian Sepaktakraw Federatioan (ASTAF) dan Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa - International Sepaktakraw Federation (ISTAF).
- 1.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada PERATURAN AM Karnival Sukan TM 2014 dan dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Persekutuan Sepaktakraw Asia - Asian Sepaktakraw Federatioan (ASTAF) dan Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa - International Sepaktakraw Federation (ISTAF).
- 1.3 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis akan melantik Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah untuk mengendalikan pertandingan bagi acara Sepaktakraw dengan menggunakan peraturan-peraturan yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak dengan dibaca bersama tatacara, peraturan dan Undang-Undang Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Persekutuan Sepaktakraw Asia - Asian Sepaktakraw Federatioan (ASTAF) dan Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa - International Sepaktakraw Federation (ISTAF).
- 1.4 Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah akan melantik seorang Ketua Penyelaras Sukan Sepaktakraw, Pengadil Bertauliah, Penjaga Garisan Bertauliah, atau dan pegawai yang perlu untuk menguruskan pertandingan.



## 2. TARIKH PERLAWANAN

- 2.1. Tarikh Perlawanan akan dilangsungkan pada 25 hingga **28** September 2014.

## 3. TEMPAT PERLAWANAN

- 3.1 Lokasi perlawanan sepaktakraw akan diadakan di **Stadium Sultan Abdul Halim, Suka Menanti**.

## 4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Setiap kontinjen dibenarkan mendaftar 1 regu yang terdiri 5 pemain bagi setiap regu dan seorang pegawai. Seorang pemain veteran (umur 45 tahun ke atas) dan seorang pegawai Eksekutif mesti bermain setiap perlawanan.

- 4.2 Jawatan seorang pegawai hendaklah disebut di dalam borang.

- 4.3 Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut:-

- 4.3.1 Nama penuh pemain, acara dan 1 orang pegawai serta jawatan.

- 4.3.2 Salinan Kad Pengenalan atau dokumen yang berkaitan.

- 4.3.3 Salinan passcard pekerja.

- 4.4 Borang ini hendaklah disahkan oleh Pengurus Besar Negeri/Presiden Kelab TM Negeri atau Naib Presiden Kelab TM Negeri masing-masing.

## 5. ACARA-ACARA YANG AKAN DIPERTANDINGKAN

- 5.1 Acara antara regu akan dipertandingkan dalam Sukan Sepaktakraw.



## 6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1. Di mana penyertaan terdiri daripada tiga belas (13) atau lebih, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam empat (4) kumpulan ; iaitu Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D. Dalam pusingan liga, tempat pertama dan kedua kumpulan akan ditentukan secara berikut:-

- 6.1.1.** Kiraan pertandingan **21 mata akhir dengan pertukaran servis setiap 3 kali sepakan.**
- 6.1.2.** **Pada Kedudukan mata 20-20 pertukaran servis adalah setiap kali sepakan.**
- 6.1.3.** **Keputusan perlawanan ditentukan melalui 3 set terbaik**
- 6.1.4.** Jumlah mata menang (2) dua, mata kalah (0) mata.
- 6.1.5.** Keputusan perlawanan liga (pasukan yang memenangi banyak perlawanan akan diambil kira)

- 6.2. Didalam pusingan liga (2) dua pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke perlawanan suku akhir secara kalah mati seperti berikut:-

A1	mln	B2
B1	mln	A2
C1	mln	D2
D1	mln	C2

- 6.3. Pemenang dalam perlawanan suku akhir akan bermain dalam peringkat separuh akhir secara kalah mati seperti berikut:-

A1/B2	mln	C1/D2
D1/CC2	mln	B1/A2

- 6.4. Pemenang akhir acara kalah mati akan diadakan seperti berikut:



- 6.5. Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan kiraan mata diperolehi sama oleh lebih daripada satu pasukan, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut:-
  - 6.5.1. Jika dua (2) pasukan yang terlibat, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira menang.
- 6.6. Jika lebih daripada dua (2) pasukan yang terlibat, maka pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan dari jumlah perlawanan (matches), set dan angka-angka mata yang telah diperolehi oleh pasukan-pasukan Di mana penyertaan terdiri daripada tiga belas (13) atau lebih, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam empat (4) kumpulan ; iaitu Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D. Dalam pusingan liga, tempat pertama dan kedua kumpulan akan ditentukan secara berikut:-
  - 6.6.1. Jumlah mata menang (2) dua, mata kalah (0) mata.
  - 6.6.2. Keputusan perlawanan liga (pasukan yang memenangi banyak perlawanan akan diambil kira).

## 7. PENGADIL

- 7.1. Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Sepaktakraw akan menyediakan pengadil bertauliah dan penjaga garisan bertauliah bagi menjalankan pertandingan ini.
- 7.2. Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Sepaktakraw untuk menamakan Teknikal Deligate bagi pertandingan ini.
- 7.3. Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil & pegawai pertandingan adalah muktamad mengikut Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL



SUKAN TM 2014 dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Persekutuan Sepaktakraw Asia - Asian Sepaktakraw Federatioan (ASTAF) dan Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa - International Sepaktakraw Federation (ISTAF).

## **8. MENARIK DIRI**

- 8.1. Pasukan atau pemain yang terlewat 15 minit dari masa yang telah dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.
- 8.2. Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain akan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.

## **3. BANTAHAN**

- 3.1. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis SEBELUM PERMAINAN ATAU TIDAK LEWAT DARI 30 MINIT SELEPAS PENGADIL MENGUMUMKAN KEPUTUSAN. Bantahan ini hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang Bantahan yang disediakan dan diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 berserta sekali wang tunai sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja). Wang ini cuma akan dikembalikan jika bantahan tersebut berjaya setelah ditolak 50% bayaran pengurusan.

## **4. JAWATANKUASA BANTAHAN DAN RAYUAN**

- 4.1. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 perlu menyerahkan borang dan wang tunai berkenaan untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh Pihak Pengelola Kejohanan ini. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan sebagaimana berikut:



- 4.1.1. Timbalan Presiden Kelab Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan
  - 4.1.2. Naib Presiden Biro Sukan Kelab TM Malaysia
  - 4.1.3. Pengerusi Bersama KARNIVAL SUKAN TM
  - 4.1.4. Ketua Pengadil Pertandingan yang dilantik
  - 4.1.5. Ketua Sekretariat Penganjur
  - 4.1.6. Seorang AJK Pertandingan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan.
  - 4.2. Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan memulakan persidangan pada waktu yang sama sebaik sahaja Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 menyerahkan borang bantahan dan wang tunai.
  - 4.3. Keputusan Rayuan akan dibuat atau dimaklumkan dalam masa dua puluh empat jam (24 jam) selepas Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan bersidang.
  - 4.4. Keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengadil atau dan Jawatankuasa Pertandingan atau dan Bersama-sama Pengelola Kejohanan adalah mutamad.
- 5. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**
- 5.1. Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Sepaktakraw dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Persekutuan Sepaktakraw Asia - Asian Sepaktakraw Federatioan (ASTAF) dan Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa - International Sepaktakraw Federation (ISTAF).
- 6. HADIAH**
- 6.1. Hadiah yang disediakan adalah seperti berikut:



<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>
<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

- 6.2. Hadiah kemenangan yang diiktiraf bagi acara sukan ini akan disediakan oleh pengelola untuk 6 orang termasuk pengurus pasukan.

Disediakan Bersama oleh:  
Kelab TM Malaysia dan AJK Pertandingan dan Teknikal  
KASTEL 2014  
Kedah/Perlis



**BORANG BANTAHAN  
ACARA SUKAN SEPAKTAKRAW  
KARNIVAL SUKAN TM 2014  
25 HINGGA 28 SEPTEMBER 2014**

**NEGERI** : .....

**Nama Pengurus** : .....

**Tandatangan** : .....

**Tarikh** : .....

**Bantahan Yang Dibuat Dengan Menyertakan Wang Bantahan Sebanyak RM1,000.00 Di atas Perkara / Isu :-**

.....

.....

.....

.....

**Tandatangan :** .....

**Nama** : .....

**Untuk kegunaan pihak sekretariat**

Dengan ini pihak sekretariat mengesahkan menerima bantahan dari pasukan seperti nama yang tertera di atas.

Diterima oleh: \_\_\_\_\_ No Kd Pengenalan \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_ tandatangan penerima : \_\_\_\_\_



---